

## Pendidikan percuma OKU langkah progresif perkasa pendidikan inklusif

**Tg Malim, 28 Januari** - Inisiatif pendidikan percuma kepada 3,000 pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) melalui pengecualian yuran pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), politeknik dan kolej komuniti bermula 2026 disifatkan sebagai langkah progresif dalam memperkasa pendidikan inklusif negara.

Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff yang juga Pengerusi Majlis Naib Canselor Universiti Awam berkata, inisiatif menerusi Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026–2035 itu mencerminkan komitmen kerajaan bagi memastikan akses pendidikan tinggi yang adil, saksama dan berdaya mampan kepada semua lapisan masyarakat, khususnya golongan OKU.

Beliau menyifatkan inisiatif berkenaan sebagai manifestasi jelas aspirasi RPTM 2026–2035 dalam mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang inklusif, holistik dan berorientasikan kesejahteraan pelajar.

“Pengecualian yuran pengajian kepada pelajar OKU merupakan satu pelaburan jangka panjang negara dalam membangunkan modal insan yang berdaya saing dan berkeupayaan menyumbang kepada masyarakat.

“Pelaksanaan dasar ini perlu disokong dengan pengukuhan prasarana, latihan warga universiti serta dasar sokongan yang menyeluruh bagi memastikan pengalaman pembelajaran pelajar OKU benar-benar berkualiti.

“UPSI komited untuk terus memperkasa pendidikan inklusif melalui penambahbaikan fasiliti, sokongan akademik dan kebajikan sejajar dengan aspirasi nasional,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof Ts Dr Abdul Rasid Abdul Razzaq merangkap Pengerusi Task Force

Media dan Keterlihatan Universiti Awam Malaysia berkata, pengecualian yuran berkenaan bukan sahaja meringankan beban kewangan pelajar OKU dan keluarga mereka, malah membuka ruang yang lebih luas kepada mobiliti sosial dan pembangunan bakat.

“Langkah ini membuktikan keprihatinan kerajaan dalam memastikan tiada pelajar tercicir daripada sistem pendidikan tinggi hanya kerana kekangan fizikal atau kewangan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mempengerusikan Mesyuarat Task Force Media dan Keterlihatan Universiti Awam Malaysia yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM), hari ini.

Mesyuarat berkenaan antara lain membincangkan agenda kebajikan mahasiswa universiti awam, penyelarasan keterlihatan media Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) universiti awam, pengukuhan kemenjadian mahasiswa, pelaksanaan program berimpak tinggi di peringkat universiti awam, serta perangkaan pelan strategik media HEPA universiti awam.

Abdul Rasid berkata, dasar berkenaan turut memperkukuh peranan universiti awam sebagai pemangkin keadilan sosial serta penyumbang kepada agenda pembangunan insan negara.

“Universiti awam menyambut baik pelaksanaan dasar ini dan bersedia memperkukuh sokongan dari segi fasiliti, perkhidmatan kebajikan serta ekosistem pembelajaran yang mesra OKU,” katanya.



### PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## MyCampus Bus Tracker: Memacu Keselamatan, Kecekapan dan Modal Insan

**Tanjong Malim, 23 Januari** - Telah berlangsung Mesyuarat Kick-off Projek MyCampus Bus Tracker yang menghimpunkan pemegang taruh dan kumpulan pembangunan, bertempat di Bilik R&D, Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi (FKMT). Mesyuarat ini menjadi titik mula rasmi kepada sebuah inisiatif kampus pintar yang bukan sahaja menambah baik perkhidmatan bas universiti, malah mengangkat agenda pembangunan bakat melalui pendekatan pembelajaran berasaskan kerja.

Pembangunan MyCampus Bus Tracker merupakan kesinambungan Projek Tahun Akhir (UNI BUS BUDDY) oleh pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian FKMT, yang kini dinaik taraf menjadi sistem berimpak universiti melalui kerjasama strategik bersama Pusat ICT, JHEPA dan Bendahari. Melalui pendekatan ini, ilmu dan inovasi yang lahir daripada ekosistem akademik tidak terhenti sebagai "projek kelas", sebaliknya berkembang menjadi penyelesaian sebenar untuk warga kampus - selari dengan aspirasi UPSI ke arah transformasi digital. Perbezaan projek ini ialah konsepnya: 'Learn & Earn' berteraskan 'Work-Based Learning' (WBL), yang julung kali diperkenalkan di UPSI.

## Program Rejuvenasi Warga KPT Tahun 2025/26

**Tanjong Malim, 25 Januari** - Pagi ini telah berlangsung Majlis Penutup Program Rejuvenasi Warga KPT Tahun 2025/2026 di Dewan Muallim, Scholar's Suites UPSI yang dirasmikan oleh Datuk Dr. Anesee Ibrahim, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Program siri ke-13 ini telah dilaksanakan oleh KPT di UPSI sejak tahun 2021

Dalam sesi pengenalan projek, Dr. Nor Asiah binti Mohamad@Razak, selaku Ketua Projek merangkap Pengurus Projek, menjelaskan bahawa inisiatif ini merupakan amanah langsung daripada pihak Bendahari dan dilaksanakan di bawah konsep 'Learn & Earn' yang membolehkan pelajar memperoleh pengalaman kerja sebenar seiring pembangunan kemahiran serta nilai profesional.

Ini bermakna pembangunan sistem bukan sekadar "siap dan serah", sebaliknya menjadi medan latihan profesional - pelajar dilatih mengurus keperluan pengguna, penjadualan kerja, dokumentasi, ujian sistem, integrasi data, latihan pengguna, serta pelaksanaan go-live dalam kerangka projek sebenar. Projek ini mensasarkan melahirkan dua pelajar peringkat sarjana melalui pelaksanaan projek, di samping penganugerahan biasiswa kepada pelajar terlibat, iaitu En. Muhammad Aiman bin Saiful Bahrin dan En. Mohd. Zamrin bin Jimmy. Kedua-dua bakal pelajar sarjana ini, di bawah seliaan Dr. Nor Asiah binti Mohamad@Razak, akan bekerjasama dengan Pusat ICT yang diketuai oleh En. Mohammad Firdaus bin Zainun, sekali gus memperkukuh budaya "belajar sambil bekerja" dalam ekosistem kampus UPSI.

dengan penglibatan hampir 1000 warga KPT secara keseluruhannya. Pelaksanaan program latihan warga KPT di UPSI merupakan pengiktirafan dan kepercayaan KPT terhadap kepakaran dan fasiliti yang ada di UPSI. Terima kasih KPT dan setinggi penghargaan jua kepada Datuk KSU atas kunjungan ke UPSI dan sesi interaksi bersama peserta dan pengurusan UPSI.



## Pakar Pendidikan Awal Kanak-kanak Bakal 'Laku Keras'

**Tanjong Malim, 15 Januari** - Kemasukan murid Tahun Satu seawal usia enam tahun pada 2027 dilihat bakal meningkatkan permintaan terhadap pakar Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) ke sekolah-sekolah rendah.

Pensyarah di Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Madya Dr. Abdul Halim Masnan berkata, apabila murid 6 tahun masuk ke sekolah rendah, Kementerian Pendidikan (KPM) akan memerlukan guru yang mempunyai latar belakang PAKK untuk mengajar Tahun Satu.

"Guru sekolah rendah sedia ada mungkin terlatih untuk mengajar murid yang lebih matang iaitu yang berusia antara 7 hingga 12 tahun. Oleh itu, graduan PAKK dari UPSI akan menjadi sangat relevan untuk mengisi kekosongan sebagai guru 'Tahun Transisi'," katanya kepada Kosmo! di Tanjong Malim hari ini.

Beliau berkata, program PAKK di UPSI mungkin akan beralih fokus

kepada pendidikan kanak-kanak berusia sifar hingga lima tahun (taska dan prasekolah) yang lebih khusus, serta latihan lanjutan untuk guru sekolah rendah mengenai pedagogi berasaskan bermain (play-based learning).

Bahkan, Abdul Halim berkata, UPSI berkemungkinan besar perlu menambah baik kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak (PISMP PAKK).

"Bakal guru subjek seperti Matematik atau Bahasa Melayu perlu mengambil modul tambahan berkaitan psikologi perkembangan kanak-kanak kecil. Mereka perlu tahu bagaimana menangani murid yang mungkin masih menangis kerana merindui ibu bapa atau yang belum mahir menguruskan diri di tandas," katanya.

Beliau berkata, UPSI melalui Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC) akan menjadi institusi paling sibuk untuk melakukan kajian impak terhadap perubahan usia tersebut.

Jelas beliau, mereka akan menjadi penasihat utama kepada kerajaan untuk memastikan dasar ini tidak memakan diri.

"Kesan positifnya ialah kepelbagaian peluang kerja. Graduan PAKK UPSI tidak lagi terhad kepada tadika swasta atau Kemas tetapi mereka mempunyai laluan kerjaya yang lebih luas dalam perkhidmatan awam (DG41) sebagai pakar transisi di sekolah-sekolah kebangsaan," katanya.

Bukan itu sahaja, Abdul Halim berkata, program Diploma PAKK mungkin perlu dinaik taraf atau diselaraskan dengan keperluan sekolah rendah.

"Jika sekolah rendah mengambil alih peranan mendidik kanak-kanak 6 tahun, kolej dan universiti perlu memastikan graduan mereka mempunyai sijil tambahan yang diiktiraf untuk mengajar di peringkat sekolah rendah bawah (Lower Primary)," katanya.



**Majlis Wacana Eksekutif Dan Perutusan Tahun Baharu 2026**  
YAB Dato' Seri Saarani Mohamad



**Majlis Perutusan Tahun Baharu 2026**  
Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir



**Majlis Makan Malam Program Khas PhD Model Rakan Strategik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)- Terbilang Academy (Orientasi, Kolokium & Bengkel Penulisan Jurnal)**



**Bengkel Modul Komunikasi Keluarga Interaktif Perkasa Ibu Tunggal**